



Isu 2, 2021

BULETIN KELAB PENCINTA ALAM

November 2021



PAK CIPAN  
online

Selamat sejahtera Adik-adik, apa khabar semua?

Hai Pak Cipan, ya kami sihat. Lama tidak dengar khabar daripada Pak Cipan. Sibuk?

Ya, Pak Cipan sedikit sibuk sejak kebelakangan ini, uruskan keluarga. Perlu pastikan mereka sihat dan dapatkan vaksin. Syukur, kebanyakan negeri telah beralih ke Fasa 3 & 4 Pelan Pemulihan Negara. Tetapi kita masih perlu berhati-hati ya? Pesan Tan Sri Dr. Noor Hisham, peralihan fasa adalah untuk memulihkan ekonomi bukan kerana kita telah selamat daripada virus Covid-19. *We are not out of the woods yet.* Keluar rumah apabila perlu sahaja.

Ya Pak Cipan, itulah amalan kami. Kami masih lagi belajar dari rumah (PdPR). Penuh cabaran 😊

Adik-adik masih perlu menjalankan tanggungjawab sebagai murid untuk belajar. Jadi belajarlah bersungguh-sungguh meskipun terdapat pelbagai kekangan, ya? Itulah pengorbanan adik-adik untuk negara tercinta kita.

Eh, pernah dengar tak tentang beruang terkecil di dunia? Di manakah ia boleh dijumpai?

Err..

Tahu atau tidak, di Malaysia, ada wujud spesies beruang?

Err.. tidak pasti pula...

Beruang matahari atau juga dikenali sebagai beruang madu adalah beruang terkecil di dunia. Sebenarnya, spesies beruang ini boleh dijumpai di kawasan hutan. Di ladang kelapa sawit pun boleh jumpa.

Malangnya, ia diancam kepupusan. Antaranya akibat pemerdagangan haiwan. Terdapat individu yang ingin menjadikan beruang haiwan peliharaan 😞

Ia akan pupus ke Pak Cipan?

*Well, it depends on how hard we work to protect this species...* Di dalam edisi kali ini Pak Cipan akan ceritakan tentang bagaimana badan kerajaan, universiti, syarikat swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) saling bekerjasama untuk memelihara dan memulihara kelangsungan spesies beruang matahari di Semenanjung Malaysia.

Menariknya! Baiklah, kami akan dapatkan maklumat tersebut.

Ya, itu semestinya. Adik-adik jangan lupa pesanan Pak Cipan. Belajar rajin-rajin ya. Adik-adik pasti akan berjaya.

Kita jumpa lagi, Pak Cipan ada meeting *online* ni!

Baiklah. Jaga diri Pak Cipan!

# BERUANG MATAHARI

## Pengenalan

Terdapat lapan spesies beruang yang boleh dijumpai di seluruh dunia. Tahukah adik-adik di Malaysia terdapat satu spesies beruang yang dikenali sebagai **beruang matahari**? Beruang matahari merupakan beruang terkecil di antara lapan jenis beruang di dunia. Ia hidup bersendirian (*territorial*) dan tidak berhibernasi seperti beruang lain yang menghuni kawasan bermusim. Spesies beruang ini terbahagi kepada dua sub-spesies iaitu Beruang Matahari Malaya (*Helarctos malayanus malayanus*) dan Beruang Matahari Borneo (*Helarctos malayanus euryspisus*). Malangnya, menurut Senarai Merah IUCN 2016, beruang matahari dikategorikan sebagai **vulnerable** iaitu terdedah kepada ancaman kepupusan).

Beruang Matahari Malaya



Beruang Matahari Borneo



## SAIZ BADAN



Imbas QR Code di bawah untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang pemeliharaan spesies beruang matahari di Malaysia



< VULNERABLE >

VU

ENDANGERED

CRITICALLY  
ENDANGERED

EXTINCT  
IN THE WILD

EXTINCT

NOT  
EVALUATED

DATA  
DEFICIENT

LEAST  
CONCERN

NEAR  
THREATENED

LC

NT

VU

EN

CR

EW

EX

## PROFIL DIRI



Nama Saintifik	<i>Helarctos malayanus</i>
Berat	30-65 kg (jantan) 20-40 kg (betina)
Ketinggian	110-150 cm
Taburan	Asia Tenggara
Jangka Hayat	25-30 tahun

## Anatomi dan Fungsi

**Bulu:**  
Pendek, halus,  
berwarna hitam

### Tanda dada:

Berwarna kuning kejinggaan dengan bintik hitam  
Fungsi: Seperti cap jari manusia, tanda dada beruang matahari berbeza antara satu sama lain. Ia boleh digunakan untuk mengecam individu beruang yang berbeza

**Kuku:**  
Panjang dan berbentuk sabit  
Fungsi: Kuku yang kuat dan tajam membantu untuk mencengkam dahan, memanjat pokok yang tinggi, serta membantu untuk mencarik kayu reput bagi mendapatkan anai-anai, semut dan anak kumbang

### FAKTA MENARIK

Nama beruang matahari diambil daripada tanda dada beruang ini yang seakan-akan sinaran matahari terbit

### Kaki:

Pendek dan kaki depan melengkung ke dalam  
Fungsi: Kaki yang kuat membantu beruang matahari memanjat pokok dan berjalan berbatu jauhnya

**Telinga:**  
Kecil dan bulat  
Fungsi: Pendengaran yang tajam dan sensitif

**Lidah:**  
20-25 cm panjang  
Fungsi: Lidah yang panjang digunakan untuk mendapatkan madu dan makanan dari ruangan yang sempit tetapi dalam seperti celah pokok dan sarang madu kelulut

**FAKTA MENARIK**  
Beruang matahari mempunyai lidah paling panjang antara semua jenis beruang di dunia



**Tapak kaki:**  
Merah jambu dan tidak berbulu  
Fungsi: Tapak kaki lembut seperti tapak tangan manusia membolehkan beruang ini berjalan dengan senyap. Ia juga membantu beruang menjalankan pelbagai aktiviti lain seperti memanjat pokok dan makan

## Tingkah Laku


- Beruang matahari hidup secara bersendirian kecuali ketika mengawan dan ketika beruang matahari betina mempunyai anak kecil. Anak beruang matahari mempelajari asas kemahiran hidup daripada ibunya selama lebih kurang 3 tahun
- Beruang matahari bersifat diurnal. Ini bermaksud ia aktif pada waktu siang untuk mencari makanan, mengawan dan mencari kawasan yang sesuai untuk membina sarang dan tidur di waktu malam
- Dikategorikan sebagai haiwan arboreal, beruang matahari mahir memanjat pokok untuk mendapatkan makanan (seperti madu dan buah-buahan), tidur, bersantai, membina sarang, menyelamatkan diri dari haiwan pemangsa dan gangguan pacat

## Diet & Cara Makanan

Beruang matahari adalah haiwan omnivor. Ia memakan pelbagai jenis makanan di hutan termasuklah buah-buahan, serangga, haiwan invertebrata dan madu. Buah ara merupakan sumber makanan yang penting kerana, buah ara berbuah sepanjang tahun. Oleh itu, ia mudah didapati.



# Habitat



Peta Taburan Populasi Beruang Matahari

Beruang matahari boleh dijumpai di pelbagai jenis hutan di Asia Tenggara. Ia boleh dijumpai di hutan primer, hutan sekunder dan kawasan perladangan seperti ladang kelapa sawit. Seekor beruang memerlukan kawasan keliaran yang luas iaitu purata seluas 7-27 km<sup>2</sup> untuk menjalankan aktiviti harian.

# Ancaman



1) Pemburuan haram



Foto Emily Garthwaite dimuat turun dari <https://www.nhm.ac.uk/discover/wildlife-photographer-of-the-year-a-sun-bear-behind-bars.html>

2) Perdagangan haiwan peliharaan



Foto Picography dari pixabay.com

3) Kemuksuhan habitat



# Program Konservasi Beruang Matahari



Program Konservasi Beruang Matahari telah dimulakan pada tahun 2015 yang berfokuskan konservasi Beruang Matahari Malaya yang terdapat di Semenanjung Malaysia. Projek 5 tahun ini merupakan kerjasama di antara pihak PERHILITAN, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS) dan dibiayai sepenuhnya oleh FGV Holdings.

Projek ini dilaksanakan menggunakan tiga pendekatan iaitu Pengurusan (menyelamat, pemulihan dan pelepasan) dengan kepakaran pihak PERHILITAN, Penyelidikan oleh pihak UKM dan Pendidikan dan Kesedaran dijalankan oleh MNS.

Hasil usahasama ini, sebanyak 49 ekor beruang berjaya diselamatkan dan dilepaskan semula ke habitat asal yang lebih selamat. Kerja-kerja penyelidikan masih giat dijalankan oleh pihak UKM dan PERHILITAN untuk mengetahui lebih lanjut mengenai spesies yang kurang dikenali ini. Sehingga kini juga, mesej '**Kempen Selamatkan Beruang Matahari**' telah berjaya disampaikan kepada lebih 50,000 orang yang terdiri daripada pelajar, pendidik dan orang awam. Aktiviti pendidikan dan kesedaran dijalankan melalui aktiviti program pendidikan untuk murid, guru dan orang awam. Selain itu, sebuah kumpulan tindakan komuniti iaitu Sahabat Beruang Matahari (SBM) telah dibentuk di kawasan yang berpotensi menghadapi konflik manusia-hidupan liar.



Imbas QR kod di bawah untuk mengetahui lebih lanjut tentang Program Konservasi Beruang Matahari



Video Program Pelepasan Beruang Matahari ke Habitat Asal, 2020



Video Pelancaran Program Konservasi Beruang Matahari



Video Operasi Pelepasan Beruang Matahari 2018



Laman web Program Konservasi Beruang Matahari



Program pelepasan beruang matahari bersama pihak PERHILITAN, UKM dan MNS, 2020



Perhemahan Selamatkan Beruang Matahari di Pusat Kokurikulum Johor (Kem Tasek Utara), 2018



Pameran kesedaran oleh ahli SBM ketika program Pesta Sayap, 2018

# Sahabat Beruang Matahari

Sahabat Beruang Matahari (SBM) adalah Kumpulan Tindakan Komuniti (Community Action Group) yang terdiri daripada komuniti FGV, Felda dan penduduk tempatan di kawasan yang berisiko tinggi berlakunya konflik manusia-hidupan liar. Sehingga kini, komuniti SBM telah ditubuhkan di lima kawasan setempat yang terletak di Kuala Lipis, Mersing, Gerik, Terengganu dan Lahad Datu. Kumpulan ini dibentuk untuk melatih ahli masyarakat setempat menangani masalah konflik dan memberi kesedaran tentang konservasi beruang matahari. Antara aktiviti ahli SBM ialah mengadakan mesyuarat dan pameran kesedaran. Mereka juga berpeluang menyertai pelbagai bengkel serta menjalani latihan pemantauan alam sekitar.

Adik-adik juga boleh menjadi sebahagian daripada komuniti dengan membantu melaporkan kepada pihak berkuasa sebarang aktiviti pemburuan haram, konflik manusia-hidupan liar dan membantu memberi kesedaran mengenai kepentingan konservasi beruang matahari kepada orang ramai.

Sertai komuniti SBM di laman **Facebook**



(<https://www.facebook.com/groups/673055916205986/>) untuk berkongsi maklumat dan mendapatkan informasi terkini kumpulan tersebut.



Mengadakan pameran dan taklimat

## Glosari

- Arboreal** – berkaitan dengan (hidup di, atau tinggal di) pokok: tumbuh-tumbuhan
- Diurnal** – haiwan yang aktif pada waktu siang dan tidur pd waktu malam
- Haiwan invertebrata** – kumpulan haiwan yang tidak bertulang belakang
- Hutan Primer** – hutan dara yang belum pernah diterokai
- Hutan Sekunder** – hutan yang tumbuh semula selepas pembukaan hutan atau aktiviti pembalakan
- IUCN** – International Union for Conservation of Nature (IUCN) merupakan pertubuhan antarabangsa yang berfokuskan pemuliharaan sumber semulajadi
- Senarai Merah IUCN** – inventori status pemuliharaan spesies haiwan dan tumbuhan yang digunakan untuk menilai risiko kepupusan

## Penghargaan kepada Mendiang En. Balu Perumal

Projek Konservasi Beruang Matahari telah dicetuskan oleh mendiang En. Balu Perumal lebih tiga tahun yang lalu. Dengan kerjasama daripada PERHILITAN, UKM dan FGV Holdings, projek ini telah berjaya telah melahirkan lebih ramai komuniti, pelajar sekolah dan universiti yang peka terhadap kepentingan memelihara dan memulihara hidupan liar, terutama sekali berkaitan dengan beruang matahari.

Ucapan takziah kepada seluruh keluarga dan yang mengenali mendiang En. Balu Perumal di atas pemergian beliau. Jasa dan pengorbanan beliau di dalam aktiviti pemeliharaan alam sekitar akan terus dikenang. Melalui aktiviti pendidikan alam sekitar yang dijalankan oleh MNS, kami berharap legasi beliau akan diteruskan oleh generasi akan datang.



# Aktiviti Kelab Pencinta Alam

KPA Watch Birds with MYGB



MY Garden Birdwatch (MYGB) adalah satu program citizen science, iaitu sebuah aktiviti pemerhatian yang dilakukan oleh masyarakat awam. Program ini merupakan satu inisiatif MNS *Bird Conservation Council* (MNS BCC) untuk mengumpulkan data pemerhatian burung sejak tahun 2010. Bagi meneruskan kejayaan MYGB, MNS telah memperkenalkan Kelab Pencinta Alam (KPA) Watch Birds with MY Garden Birdwatch (MYGB) untuk menggalakkan pemerhatian burung di kalangan warga sekolah. Terima kasih kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) kerana telah memberikan peruntukan untuk pelaksanaan Program Jangkau Luar STIE 2.0 NGO: KPA Watch Birds with MYGB 2020.

## Aktiviti pemerhatian burung KPA Watch Birds with MYGB

Sebanyak 31 pemerhatian daripada 11 sekolah telah disahkan dan diterima mengikut kaedah pengesahan pemerhatian MYGB. Sebanyak 32 spesies burung (termasuk 5 spesies yang tidak dapat dikenalpasti) dan 284 ekor burung telah diperhatikan sepanjang tempoh pemerhatian burung, iaitu dari 25 November hingga 30 November 2020

Senarai burung yang sering diperhatikan dalam tempoh tersebut adalah seperti berikut:

Tempat	Spesies burung	Bilangan
1	<i>Eurasian Tree Sparrow</i>	66
2	<i>Rock Pigeon</i>	37
3	<i>Oriental Magpie-robin</i>	26
4	<i>Common Myna</i>	23
5	<i>Pacific Swallow</i>	20
6	<i>House Crow</i>	15
7	<i>Scaly-breasted Munia</i>	11
8	<i>Spotted Dove</i>	10
9, 10	<i>White throated Kingfisher, Olive-backed sunbird</i>	6



**1** Eurasian Tree Sparrow  
Ciak Rumah  
麻雀



**2** Rock Pigeon  
Merpati  
原鴿



**3** Oriental Magpie-robin  
Murai Kampung  
鵲鶲



**4** Common Myna  
Tiong Gembala Kerbau  
家八哥



**5** Pacific Swallow  
Layang-layang Pasifik  
洋燕



**6** House Crow  
Gagak Rumah  
家鴉



**7** Scaly-breasted Munia  
Pipit Pinang  
斑文鳥



**8** Spotted Dove  
Tekukur  
珠頸斑鳩



**9** White-throated Kingfisher  
Pekaka Dada Putih  
白胸翡翠



**10** Olive-backed Sunbird  
Kelicap Bukit  
黃腹花蜜鳥

Sekalung penghargaan kepada sekolah-sekolah yang telah terlibat



SK Ringlet  
SMK Adela  
SJKC Pulau Betong  
SJKT Ladang Temerloh  
SMK Kampung Baru Kerteh  
SJKT Sungai Manggis  
SK Convent Tanah Rata  
Cameron Highlands  
MRSM Mukah  
SJKT Ladang Coalfield  
SK Sri Gaya  
SK Convent Infant Jesus

## Aktiviti Penanaman Pokok di Sekolah

Bagi meneruskan aktiviti pemerhatian burung selepas Program KPA Watch Birds with MYGB, sekolah-sekolah digalakkan untuk menanam pokok-pokok yang boleh menambah populasi burung serta lain-lain hidupan di sekolah. Ini akan menggalakkan aktiviti pemerhatian burung sebagai salah satu aktiviti pembelajaran dan pengajaran di sekolah pada masa hadapan.

Terima kasih kepada semua sekolah-sekolah yang telah terlibat secara aktif di dalam Projek KPA Watch Birds with MYGB. Nantikan pengumuman penganjuran aktiviti-aktiviti KPA Watch Birds with MYGB untuk tahun 2021 dalam masa terdekat ini!

**BORANG PENDAFTARAN / PEMBAHARUAN KEAHLIAN KELAB PENCINTA ALAM**



**Projek Kelab Pencinta Alam (School Nature Club Project)**

JKR 641, Jalan Kelantan  
Bukit Persekutuan  
50480 Kuala Lumpur

Tel: 03-22879422 Fax: 03-22878773 Email: [kpa@mns.org.my](mailto:kpa@mns.org.my) Laman web: [www.mns.my](http://www.mns.my)

**Borang Pendaftaran / Pembaharuan Keahlian Kelab Pecinta Alam Tahunan  
School Nature Club Yearly Registration / Renewal Form Tahun/Year: \_\_\_\_\_**

1. Nama sekolah / School Name: \_\_\_\_\_
2. Alamat sekolah / School address: \_\_\_\_\_
3. Telefon / Telephone: \_\_\_\_\_
4. Faks / Fax: \_\_\_\_\_
5. Emel / Email (Sekolah/School): \_\_\_\_\_
6. Nama Pengetua / Name of principal: \_\_\_\_\_
7. Maklumat Guru Penasihat:

Bil/No	Nama/Name	No.Tel/Contact No.	Emel/Email
1			
2			
3			

8. Bilangan keahlian / No of member: \_\_\_\_\_ orang (*tidak termasuk guru penasihat*)
9. Maklumat pembayaran (Yuran tahunan RM50.00 setiap sekolah setahun)  
 Tunai/Cash (Bayaran terus kepada Urusetia. Sila pastikan anda menerima resit sementara sebagai bukti bayaran)  
 Cek bernombor/Cheque no. \_\_\_\_\_  
(Bayaran atas nama "**Malaysian Nature Society**")  
 Wang pos bernombor/Postal order \_\_\_\_\_  
(Bayaran atas nama "**Malaysian Nature Society**")  
 Pindahan wang kepada /Bank transfer to:
  - CIMB (No. akaun: 8000832963) atau
  - Maybank (No. akaun: 012-138-304-679)

(Sila kepilkan slip pindahan wang bersama borang sebagai rujukan/ *Please attach bank slip for reference*)

*Sila sertakan butir-butir berikut:*

1. Nama guru penasihat dan senarai jawatankuasa/ List of teacher advisor
2. Senarai nama penuh ahli kelab / Full name list of member
3. Laporan tahunan kelab / Annual report